

IKLAN KEKOSONGAN
JAWATAN KADER PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI KEMENTERIAN / AGENSI LUAR DARI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan kader di bawah pentadbiran di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara Malaysia seperti berikut:

BIL	SEKOLAH	KEKOSONGAN JAWATAN	OPSYEN
1.	Sekolah Integriti Kluang	Bahasa Melayu	1
		Sejarah	1
		Bahasa Inggeris	1
2.	Sekolah Integriti Marang	Bahasa Inggeris	1
		Bahasa Melayu	1
		Sains	1
		Pendidikan Islam	1
3.	Sekolah Integriti Sungai Petani	Bahasa Inggeris	1
4.	Sekolah Integriti Wanita Kajang	Bahasa Melayu	1
5.	Sekolah Henry Gurney Telok Mas	Matematik	1
		Pendidikan Islam	1
		Sains	1
		Sejarah	1
		Bahasa Melayu	2
6.	Sekolah Henry Gurney Wanita Kota Kinabalu	Bahasa Melayu	1
		Sains	1
7.	Sekolah Henry Gurney Keningau	Sejarah	1

1. Syarat Umum

- (i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9/10/12 yang **sedang berkhidmat** di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (ii) Mempunyai ikhtisas/ kelulusan dalam opsyen seperti di **Lampiran A**.
- (iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- (iv) Telah mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- (v) Tahap kesihatan yang baik.
- (vi) Memperoleh sekurang-kurangnya 85% dalam penilaian prestasi bagi tiga tahun terkini (2023-2025).
- (vii) Bebas daripada tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah.
- (viii) Permohonan mestilah disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- (ix) Bersedia berkhidmat di jawatan kader **sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga (3) tahun**.
- (x) Mempunyai minat dan kewibawaan yang tinggi untuk berkhidmat di Kementerian/ Agensi luar dari KPM.

2. Kaedah Permohonan

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Masuk Jawatan Kader seperti di **Lampiran B**.
- (ii) Permohonan mestilah **melalui Ketua Jabatan** masing-masing.
- (iii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dan dihantar dalam bentuk **PDF (digabungkan dalam satu fail)** melalui emel kepada ehsan.ahmad@moe.gov.my / shamirah.tarmize@moe.gov.my
- (iv) Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat** kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan **tidak akan dipertimbangkan**.

3. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini sila hubungi **Unit Guru, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian **03-8884 7792**.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ogos 2026

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KADER PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN (PPP) DI KEMENTERIAN / AGENSI LUAR DARI KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ingin mempelawa **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** untuk mengisi kekosongan bagi jawatan (Jawatan Kader Kementerian Pendidikan) di bawah pentadbiran di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara Malaysia.

3. PPP yang berkeelayakan dan memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan boleh mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada BPSM. Calon-calon yang berminat boleh merujuk kepada iklan kekosongan jawatan (**Lampiran A**) dan borang permohonan (**Lampiran B**) seperti yang dilampirkan.

4. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat e-mel ehsan.ahmad@moe.gov.my / shamirah.tarmize@moe.gov.my. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.